



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**JURU X-RAY (M.13-14 EB.15)  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. JURU X-RAY**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN**  
**M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Radiography* atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menjalankan pemeriksaan radiografi (*X-Ray*) ke atas pesakit-pesakit dengan memastikan keterangan pesakit dan *projections* yang akan diambil adalah betul;
2. Mengendalikan pemeriksaan radiografi mudah-alih (*Portable*) di wad-wad dan bilik bedah;
3. Mengendalikan dan membantu Pakar-Pakar Radiologi menjalankan pemeriksaan radiografi khas seperti *Barium Studies*, *Invention Procedures* dan lain-lain pemeriksaan;
4. Mengendalikan pemeriksaan *CT Scan*, *MRI* dan lain-lain pemeriksaan khusus yang dijadualkan;
5. Memastikan imej-imej yang dihasilkan berkualiti dan mempunyai nilai diagnostik;
6. Melaksana dan mematuhi garispandu perlindungan sinaran terhadap pesakit, orang awam dan kakitangan jabatan;
7. Bertugas secara *shift-duty* dan *On-Call* termasuk *On-Call CT Scan* dan *MRI*, termasuk bertugas pada hari-hari kelepasan awam sama ada dalam atau luar daerah;
8. Memastikan peralatan-peralatan yang digunakan serta bilik pemeriksaan sentiasa dalam keadaan baik dan teratur;
9. Sebagai '*leader*' dan '*developer*' kepada pegawai dan kakitangan yang di bawah tanggungjawab dalam menerajui unit / fungsi; dan
10. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang akan diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.